



<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

**[ARABIC LANGUAGE LEARNING AMONG JUVENILE AT SEKOLAH AGAMA
(JAIM) HENRY GURNEY, TELOK MAS, MELAKA]**

**PEMBELAJARAN BAHASA ARAB DALAM KALANGAN PESALAH JUVANA DI
SEKOLAH AGAMA (JAIM) HENRY GURNEY, TELOK MAS, MELAKA**

MOHD TAUFIK ARIFFIN¹
SUHAILA ZAILANI @ AHMAD¹

¹ Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia

*Corresponding author: suzail@ukm.edu.my

Received Date: 7 January 2021 • Accepted Date: 29 March 2021

Abstract

Sekolah Agama (JAIM) Henry Gurney, Telok Mas is a pioneer prison school who carry out religious education formally since 2016. This school used Curriculum of Al-Qur'an and Fardu Ain Class (KAFA) provided by the Department of Islamic Development Malaysia (JAKIM). Therefore, this study aims to explain the use of KAFA Arabic Language Curriculum for learning Arabic among juvenile offenders at the Sekolah Agama (JAIM) Henry Gurney, Telok Mas. In addition to detect the interest factors of juvenile offenders in learning Arabic. This study used a questionnaire instrument as a method of data collection and analyzed using descriptive statistics. The respondents consisted of 50 students (juvenile offenders) selected to the KAFA Arabic language curriculum at Sekolah Agama (JAIM) Henry Gurney, Telok Mas, Melaka. The findings of the study show that the use of a lower level Arabic language curriculum can attract students to learn Arabic. This study also identified the factors of the most interested students and impacted on this learning was increased in Arabic vocabulary (96%), followed by the learning Arabic language base on creativity of teaching methods, interesting including using the variety of teaching tools (92%). This study recommends to authorities such as the Malaysian Prisons Department, JAKIM and JAIM to study the suitability of using the Al-Quran and Fardhu Ain Class Curriculum (KAFA), especially the Arabic language curriculum in terms of content, level and approach among juvenile offenders more effective and achieve the objective of religious education for rehabilitation.

Keywords: Arabic Language Learning, Juvenile Offender, Sekolah Agama (JAIM) Henry Gurney, Melaka.

Abstrak

Sekolah Agama (JAIM) Henry Gurney, Telok Mas merupakan sekolah penjara perintis yang melaksanakan pendidikan agama secara formal sejak tahun 2016. Sekolah ini menggunakan kurikulum Kelas Al-Qur'an dan Fardu Ain (KAFA) yang disediakan oleh Jabatan Kemajuan

Islam Malaysia (JAKIM). Oleh itu, kajian ini bertujuan menjelaskan penggunaan Kurikulum bahasa Arab KAFA bagi pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan pesalah juvana di Sekolah Agama (JAIM) Henry Gurney di samping mengesan faktor minat pesalah juvana dalam mempelajari bahasa Arab. Kajian ini menggunakan instrumen soal selidik sebagai kaedah pengumpulan data dan dianalisis secara statistik deskriptif. Seramai 50 orang pelajar (pesalah juvana) di Sekolah Agama (JAIM) Henry Gurney, Telok Mas, Melaka yang mengikuti kurikulum bahasa Arab KAFA dipilih sebagai responden kajian. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan kurikulum bahasa Arab yang lebih rendah tahapnya dapat menarik minat pelajar untuk mempelajari bahasa Arab. Antara faktor pembelajaran bahasa Arab diminati oleh pesalah juvana ialah faktor penambahan kosa kata bahasa Arab (96%) dan diikuti dengan faktor cara pengajaran guru yang kreatif, menarik dan menggunakan pelbagai alat bantu mengajar (92%). Kajian ini mencadangkan kepada pihak berwajib seperti Jabatan Penjara Malaysia, JAKIM dan JAIM agar menyemak semula kesesuaian penggunaan kurikulum kelas Al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA) terutamanya kurikulum bahasa Arab dari kandungan, tahap dan pendekatan agar pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan pesalah juvana lebih berkesan dan mencapai objektif pendidikan agama untuk pemulihan.

Kata kunci: Pembelajaran bahasa Arab, pesalah juvana, Sekolah Agama (JAIM) Henry Gurney, Melaka.

Cite as: Mohd Taufik Ariffin & Suhaila Zailani @ Ahmad. 2021. Pembelajaran Bahasa Arab dalam Kalangan Pesalah Juvana di Sekolah Agama (JAIM) Henry Gurney, Telok Mas, Melaka. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 22 (1): 36-52

Pengenalan

Pendidikan merupakan suatu sistem dan proses dalam mendapat ilmu yang terancang semasa berlakunya proses pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan antara guru dan murid. Dalam era globalisasi kini, pendidikan amatlah penting apabila segala keperluan dan pekerjaan memerlukan pendidikan yang sewajarnya. Perkembangan sistem pendidikan negara banyak melalui proses penambahbaikan demi membangun modal insan yang cemerlang dalam pelbagai aspek sama ada rohani, jasmani, mahupun emosi serta tidak ketinggalan dari sudut sahsiah diri.

Selaras dengan Falsafah Pendidikan Malaysia yang bermatlamat untuk memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu, berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berupaya mencapai kesejahteraan diri, serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara. Maka hak pendidikan untuk golongan yang sedang menerima hukuman di penjara juga tidak boleh dinafikan.

Pendidikan di penjara disediakan untuk pesalah juvana dan banduan muda yang berusia antara 14 hingga 21 tahun. Jabatan Penjara Malaysia berperanan menyediakan program pemulihan yang berkesan melalui pendidikan kepada mereka. Terdapat dua jenis sekolah yang menyediakan peluang kepada pesalah juvana dan banduan muda untuk meneruskan persekolahan, iaitu Sekolah Henry Gurney dan Sekolah Integriti. Sekolah Henry Gurney menempatkan para pesalah juvana yang dijatuhkan hukuman di bawah Akta Kanak-Kanak 2001 oleh Mahkamah Juvana. Manakala, Sekolah Integriti pula dikhaskan untuk banduan muda

yang menjalani hukuman di penjara di bawah perintah mahkamah. Bagi kanak-kanak berumur kurang 14 tahun yang terlibat dengan jenayah pula akan ditempatkan di Sekolah Tunas Bakti yang dikendalikan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (<https://www.jkm.gov.my/jkm>).

PENDIDIKAN PEMULIHAN DI SEKOLAH HENRY GURNEY, TELOK MAS, MELAKA

Berdasarkan statistik Jabatan Penjara Malaysia (2016), terdapat sejumlah 2353 pesalah juvana atau banduan muda yang menjalani pemulihan melalui pendidikan di Sekolah Henry Gurney dan Sekolah Integriti. Akta Kanak-Kanak 2001 di Malaysia telah menggariskan tentang penubuhan pusat pemulihan akhlak bagi remaja bawah umur ini iaitu Sekolah Henry Gurney di bawah Seksyen 73. Remaja juvana yang berumur 14 hingga 21 tahun ini yang telah disabit kesalahannya oleh mahkamah akan menjalani rawatan pemulihan di sekolah ini. Status Sekolah Henry Gurney ini merupakan satu institusi di bawah pengurusan Jabatan Penjara Malaysia.

Institusi khas buat juvana yang pertama telah ditubuhkan pada tahun 1948, iaitu sebuah institusi pemulihan belia, di Penjara Muar Johor dengan nama Sekolah Pemulihan Lanjutan. Institusi ini telah dipindahkan ke Telok Mas, Melaka pada tahun 1950 dan telah dirasmikan oleh Pesuruhjaya Tinggi British di Malaya iaitu Sir Henry Gurney pada 19 Julai 1950 dan dinamakan sebagai Sekolah Henry Gurney (SHG) bersempena nama beliau (Muzium Penjara 2014). Sebelum tahun 1990, Jabatan Penjara Malaysia telah mewujudkan lima buah SHG (Muzium Penjara 2014) iaitu: -

1. Sekolah Henry Gurney Batu Gajah, Perak.
2. Sekolah Henry Gurney Kota Kinabalu, Sabah.
3. Sekolah Henry Gurney Keningau, Sabah.
4. Sekolah Henry Gurney Banda Hilir, Melaka.
5. Sekolah Henry Gurney Dusun Dato' Murad, Melaka.

Bagaimanapun, tiga daripada lima buah SHG di atas telah ditutup dan ditukar fungsinya. Pada Jun 1990, SHG Banda Hilir ditutup dan ditukar menjadi Penjara Banda Hilir. Pada April 2003 pula, SHG Dusun Dato' Murad ditutup dan menjadi Penjara Pra Bebas Dusun Dato' Murad. Manakala SHG Wanita Batu Gajah ditutup pada Julai 2007 dan dijadikan sebahagian Pusat Pemulihan Akhlak Batu Gajah (Muzium Penjara 2014).

Penubuhan SHG ini oleh pihak British di Tanah Melayu dengan bermatlamat sebagai sebuah pusat pemulihan akhlak untuk para belia yang telah melakukan kesalahan akhlak. Di sini mereka diberikan peluang kedua agar dapat menjalani kehidupan yang tidak menyalahi undang-undang negara. Modul pemulihan berlandaskan Sistem Borstal yang berasal dari negara Britain digunakan di sekolah ini sejak awal penubuhannya (Muzium Penjara 2014). Manakala, segala aktiviti dan program perlaksanaan di institusi ini adalah berpaksi kepada Peraturan Sekolah Henry Gurney 1949 (LN. 616/1949) yang diguna pakai sehingga kini. Menurut Bahagian 8 - Arahan Keagamaan dalam Peraturan Sekolah Henry Gurney 1949 menjelaskan bahawa setiap penghuni berhak untuk mendalami agama kepercayaan masing-masing sejak bermulanya kehidupan dalam sistem pemulihan diri di pusat pemulihan.

Pihak pengurusan Jabatan Penjara Malaysia mengambil tindakan proaktif dengan memperkenalkan satu rancangan pemulihan yang dinamakan Pelan Pemulihan Insan (PPI). Menurut Amidi (2010), program pemulihan ini telah bermula sejak tahun 2004 di semua pusat pemulihan dan sekolah integriti di bawah pengurusan Jabatan Penjara Malaysia. Program ini mengandungi 4 fasa latihan iaitu: fasa orientasi, fasa pengukuhan sahsiah, fasa kemahiran dan fasa pra bebas. Selaras dengan perkembangan ilmu agama secara formal, segala penganjuran

program keagamaan di Malaysia hendaklah melalui pelbagai institusi dan pihak berkuasa agama negeri dan persekutuan.

Sejak awal tahun 80an lagi, NGO-NGO Islam melalui Jabatan Agama Islam Melaka telah melaksanakan program agama di SHG, Telok Mas, Melaka. Pada tahun 1990an Jabatan Penjara Malaysia mula melantik Pembantu Guru Agama untuk mengajar hal-hal keagamaan Islam (Amidi 2010). Manakala awal tahun 2000 pula, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah menghantar seorang pegawai kader JAKIM ke institusi ini bagi menjalankan pengurusan kurikulum dan ko-kurikulum dan membantu dalam pelaksanaan program-program keagamaan. Kemudian pada tahun 2014, perjawatan ini ditambah kepada dua orang pegawai dan dua orang Pembantu Guru Agama (BAPEM 2018).

Akhirnya, pada 04 Januari 2016 (Isnin), SHG Telok Mas Melaka telah menempa sejarah tersendiri dengan tertubuhnya Sekolah Agama (JAIM) Henry Gurney, Telok Mas, Melaka. Sekolah ini dilancarkan dan dirasmikan oleh Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pendidikan Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) Tuan Haji Haris Bin Mahat bersama Pengarah Sekolah Henry Gurney PKP Tuan Saidun Bin Othman.

Diiktiraf sebagai sekolah perintis atau sekolah pertama di Institusi Jabatan Penjara Malaysia yang melaksanakan pendidikan Islam secara formal (BAPEM 2018). Seramai 150 orang pesalah juvana yang terdiri dari 124 orang pelajar lelaki dan 26 orang pelajar wanita telah mendaftar sebagai pelajar kumpulan pertama pada sesi persekolahan tersebut. Hanya 07 orang guru yang dapat dibekalkan pada peringkat awal untuk melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam secara formal.

Sekolah ini menggunakan kurikulum Kelas Al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA) daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), iaitu kurikulum yang sama digunakan di seluruh Sekolah Agama Rakyat (SAR /KAFA). Sistem pendidikan formal ini merangkumi subjek seperti berikut: -

1. Al-Quran (Tilawah al-Quran/ Hafazan/ Tafsir/ Tajwid)
2. Lughah al-Quran (Bahasa Arab)
3. Sirah Nawabi (Sejarah Nabi)
4. Adab Islamiah (Akhlak)
5. Ibadah (Fekah/ Amali)
6. Akidah (Tauhid)
7. Jawi (Tulisan Jawi/ Khat)
8. Penghayatan Cara Hidup Islam.

Bagaimanapun pelaksanaan kurikulum KAFA yang melibatkan kurikulum 6 tahun (Tahun 1 hingga Tahun 6) di Sekolah Agama Rakyat (SAR /KAFA) menjadi dua tahap pelaksanaannya bagi pesalah juvana di Sekolah Agama (JAIM) Henry Gurney, iaitu (Kurikulum Tahun 1, 2 & 3) bagi Tahap 1 dan (Kurikulum Tahun 4, 5 & 6) bagi Tahap 2. Pelajar Tahap 1 terdiri daripada pesalah juvana yang berada di sekolah ini dalam tempoh setahun atau kurang. Manakala pelajar tahap 2 pula terdiri daripada pesalah juvana yang menjalani pemulihan di sekolah ini melebihi tempoh setahun.

PERNYATAAN MASALAH

Amidi (2010) dengan mengatakan bahawa pendidikan agama akan meliputi iman dan akhlak, iman merupakan asas dalam pembentukan akhlak. Isu yang sama berkaitan sistem persekolahan dan masalah sosial negara ini juga disebut oleh Zakaria Stapa (2012), menyatakan bahawa proses pengajaran dan pembelajaran yang berfokus kepada guru mampu melahirkan pelajar

yang berakhlak serta dapat memelihara adab mereka dalam mendapatkan keberkatan daripada Allah Ta'ala.

Kajian Asmawati Suhid et al. (2015) menyatakan pelajar-pelajar Islam perlu diperkukuhkan lagi dengan perkara asas Fardhu 'Ain menerusi program Penilaian Perkara Asas Fardhu 'Ain (PAFA) di peringkat rendah dan menengah. Pelaksanaan PAFA antara lain bertujuan memastikan dan mengenal pasti setiap orang murid faham dan boleh melakukan perkara asas Fardhu 'Ain dengan betul dan sempurna. Selain itu juga ia dapat membimbing murid yang lemah atau keciciran sehingga mereka boleh mengamalkannya dengan betul dan sempurna serta dapat menimbulkan keinsafan dan kerelaan yang positif bagi mengamalkan dan menghayati perkara Asas Fardhu 'Ain. Selain itu, hasil kajian Kaseh et al. (2010) dan Suhaila et al. mendapati motif agama Islam seperti memahami bacaan solat dan memahami Al-Quran merupakan satu faktor yang kuat dalam mempertingkatkan motivasi pembelajaran bahasa Arab.

Mohd Shahrizal et al. (2015) menyatakan bahawa bahasa Arab telah dipilih untuk menjadi bahasa yang membawa mesej agama Islam. Al-Quran yang merupakan kitab suci umat Islam diturunkan kepada umat manusia dalam bahasa Arab. Bahasa Arab tidak boleh dipisahkan daripada pelaksanaan amal ibadah oleh umat Islam. Konsep mengenai 'bahasa agama' telah menjadi agenda perbincangan dan perdebatan banyak pihak termasuk ahli linguistik, ahli teologi dan ahli falsafah. Hal ini memberi petunjuk bahawa fungsi bahasa Arab amat besar dalam pelaksanaan tuntutan agama Islam (Komaruddin 1996).

Kajian-kajian lepas banyak membincangkan berkaitan pesalah juvana dan banduan yang menjurus kepada perkembangan dan pemulihan akhlak. Antaranya kajian Darussalam Budin (2014) yang bertajuk "Pendidikan Juvana di Jabatan Penjara Malaysia: Dasar, Hala Tuju, Pelaksanaan Dan Cabaran" menjelaskan bahawa misi Jabatan Penjara Malaysia perlu menyediakan program pemulihan berkesan berdasarkan hasil dapatan yang menggesa agar pendidikan untuk pesalah juvana juga tidak dipandang remeh dengan harapan sistem persekolahan di institusi penjara ini akan membantu mengatasi masalah sosial negara.

Kajian berkaitan pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan pesalah juvana masih belum mendapat perhatian para pengkaji sedangkan pembelajaran bahasa Arab perlu dimasukkan dalam pendidikan agama bahkan menjadikan satu tuntutan dan keperluan agama bagi setiap muslim termasuk pesalah juvana untuk mempelajari bahasa ini.

PENDIDIKAN AGAMA DAN PEMBELAJARAN BAHASA ARAB DI SEKOLAH AGAMA (JAIM) HENRY GURNEY

Kehidupan dunia tanpa sempadan menjadikan jenayah pada masa kini bersifat sukar untuk ditangani. Keterlibatan individu dalam kesalahan jenayah bukan sekadar hanya di peringkat dewasa malahan ia melibatkan kanak-kanak di bawah umur yang berusia lingkungan 21 tahun ke bawah. Akta Kanak-kanak 2001 diwujudkan bagi memberi perlindungan kepada kanak-kanak dan remaja di bawah umur agar dihukum dan di bicara secara berasingan daripada orang dewasa.

Pesalah Juvana mengikut undang-undang Malaysia di bawah Akta Kanak-Kanak 2001 ialah remaja yang berumur antara 14 hingga 21 tahun dan jika disabitkan oleh mahkamah bahawa kesalahan yang dilakukan serius, maka mereka akan menjalani rawatan pemulihan di SHG dalam tempoh 3 tahun (Nazirah Hassan 2013). Di institusi ini, mereka akan menjalani

hukuman melalui sistem pendidikan serta proses pemulihan akhlak melalui modul-modul tertentu termasuklah pendidikan agama. Selain itu, objektif utama pendidikan ini adalah untuk memperbaiki dan mengukuhkan akhlak pesalah juvana di samping menekankan pendidikan yang mampu menjamin masa depan mereka. Pendapat ini disokong oleh Hasnizam Hashim et al. (2018) yang menyatakan bahawa perlunya penekanan terhadap kepentingan memperbaiki program pemulihan dalam penjara untuk mengurangkan kecenderungan kesalahan berulang. Menurut beliau, program pemulihan yang efektif akan berupaya menghalang penjenayah daripada mengulangi perbuatannya pada masa akan datang.

Pembelajaran merupakan proses penting dalam sistem pendidikan. Ahmad Zaki (t.th) mendefinisikan pembelajaran sebagai perubahan tingkah laku yang berlaku atas sebab tertentu. Selain itu, pembelajaran tidak berlaku atas sebab-sebab semula jadi seperti letih atau faktor-faktor kematangan. Mok Soon Sang (2000) mendefinisikan pembelajaran sebagai perubahan tingkah laku atau kebolehan seseorang yang dapat dikekalkan, tidak termasuk perubahan yang disebabkan oleh proses pertumbuhan maklumat.

Salah satu pembelajaran yang diajar di Sekolah Agama (JAIM) Henry Gurney ini ialah pembelajaran bahasa Arab. Bahasa Arab merupakan bahasa yang penting bagi masyarakat Islam, sebagai bahasa peribadatan, bahasa yang banyak digunakan oleh masyarakat Islam dan diyakini oleh khalayak ramai bahawa ia merupakan bahasa pilihan Allah (Ismail Suardi 2014). Oleh itu, dalam kajian ini, pembelajaran bahasa Arab merujuk kepada proses yang digunakan oleh pelajar (pesalah juvana) untuk memperoleh maklumat, menyimpan, mengingat kembali dan menggunakan semula ilmu tersebut dalam amalan seharian.

Sistem Pendidikan di Sekolah Agama (JAIM) Henry Gurney, Telok Mas, Melaka ini berasaskan Kelas al-Quran dan Fardu Ain (KAFA). Kelas KAFA ini merupakan program yang berdaftar dengan agensi bertanggungjawab yang mengguna pakai kurikulum, buku teks, peperiksaan Ujian Penilaian Kelas KAFA (UPKK) dan mengikut jadual atau waktu pengajaran dan pembelajaran (P&P) yang ditetapkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM 2006). Oleh itu, Kelas al-Quran dan Fardu Ain dalam kajian ini, merujuk kepada sistem pembelajaran agama secara formal di Sekolah Agama (JAIM) Henry Gurney, Telok Mas, Melaka yang melaksanakan program (KAFA). Pesalah Juvana yang berada di sekolah ini dalam tempoh setahun atau kurang dikategorikan sebagai pelajar tahap 1. Mereka ini akan mempelajari Kurikulum KAFA tahun 1, 2 dan 3. Manakala mereka yang sudah berada di sini setahun atau lebih akan dikategorikan sebagai pelajar tahap 2 dan mereka akan mempelajari Kurikulum KAFA tahun 4, 5 dan 6.

Berikut ialah objektif pembelajaran bahasa Arab/Lughah Al-Quran (KAFA) yang digunakan di sekolah ini:

- i. Memahami asas bahasa Al-Qur'an.
- ii. Melafazkan bahasa dan ayat mudah menggunakan Lughah Al-Quran.
- iii. Memahami dan boleh menulis dengan baik Lughah Al-Quran.

Sukatan mata pelajaran Bahasa Arab / Lughah Al-Quran KAFA yang digunakan untuk pembelajaran tahap 1 dan 2 di Sekolah Agama (JAIM) Henry Gurney, Telok Mas boleh dilihat dalam jadual di bawah:

Jadual 1 Kurikulum Bahasa Arab Tahap 1

BIL.	TAJUK	HURAIAN	Tahun
1	التعارف والتحيات	Perbualan harian	1
2	الأعداد والأرقام	Bilangan nombor 1 hingga 10	
3	أعضاء الجسم	Anggota Badan	
4	أعضاء الأسرة	Ahli Keluarga	
5	لغة الفصل	Perbualan di dalam kelas	
6	أدوات الدراسة	Peralatan persekolahan	2
7	أدوات المنزل	Peralatan di rumah	
8	الملابس	Pakaian	
9	الأعداد والأرقام	Bilangan nombor 11 hingga 20	
10	لغة الفصل	Perbualan di dalam kelas	
11	الفواكه	Buah-buahan	3
12	الخضار	Sayur-sayuran	
13	الحيوانات	Haiwan	
14	الأعداد والأرقام	Bilangan nombor 21 hingga 100	
15	لغة الفصل	Perbualan di dalam kelas	

Jadual 2 Kurikulum Bahasa Arab Tahap 2

BIL.	TAJUK	HURAIAN	Tahun
1	الأوقات/ الساعات	Waktu/ Jam	4
2	الأيام والشهور	Hari dalam seminggu & Bulan	
3	الأعداد والأرقام	Bilangan nombor 10 hingga 100 (puluhan)	
4	الضمائر	Kata Nama	
5	اسم الإشارة	Kata Tunjuk	
6	الأعداد والأرقام	Bilangan nombor 100 hingga 150 (puluhan)	5
7	أدوات الاستفهام	Kata Tanya	
8	الضمائر	Kata Nama	
9	اسم الإشارة	Kata Tunjuk	

10	الجملة الاسمية والفعلية	Binaan Ayat (Nama & Perbuatan)	
----	-------------------------	----------------------------------	--

Pendidikan agama bukanlah hanya mengkhususkan kepada aspek rohani atau akhlak semata-mata tetapi menurut pandangan Yusuf al-Qardhawy (1982), pendidikan Islam merupakan pendidikan yang menyeluruh menggabungkan fungsi akal dan hati, rohani dan jasmani, serta akhlak. Hasilnya akan menjadikan manusia itu Muslim yang sebenar dan insan berketerampilan (Wan Ahmad Zakry, 2013). Siti Jamiaah et al. (2016) turut bersetuju program pemulihan melalui pendekatan keagamaan perlu diterapkan dalam kalangan pesalah juvana kerana pendekatan keagamaan mampu mempengaruhi pembentukan konsep sendiri dalam kalangan pesalah atau banduan. Hal ini disebabkan kefahaman agama yang tinggi, kekuatan akidah dan pelaksanaan ibadah serta syariat dapat membantu pembinaan konsep sendiri banduan yang lebih positif. Oleh itu, pendidikan agama mesti menjadi keutamaan dalam membentuk peribadi pesalah juvana.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini berbentuk kuantitatif dengan menggunakan instrumen soal selidik sebagai kaedah pengumpulan data. Soal selidik ini mengandungi 2 bahagian sebagaimana dijelaskan dalam jadual 3 di bawah. Data yang terkumpul dianalisis secara deskriptif dan peratusan. Responden kajian ialah pesalah Juvana yang mengikuti sesi persekolahan di Sekolah Agama (JAIM) Henry Gurney, Telok Mas, Melaka. Seramai 50 orang pelajar berumur dari 14 tahun hingga 21 tahun dipilih sebagai responden kajian.

Jadual 3 Instrumen Soal Selidik

Bahagian	Tajuk	Bil. Item
Bahagian A	Latar belakang pelajar	5 soalan
Bahagian B	Pengetahuan, Sikap dan Minat pesalah juvana terhadap pembelajaran bahasa Arab menggunakan Kurikulum KAFA	9 soalan

Bahagian A merupakan soalan terbuka mengenai latar belakang pesalah juvana. Bahagian B dan C pula merupakan soalan berskala Likert melalui 5 pilihan jawapan mengikut susunan ‘sangat tidak setuju’ (skala 1), ‘tidak setuju’ (skala 2), ‘tidak pasti’ (skala 3), ‘setuju’ (skala 4) dan ‘sangat setuju’ (skala 5). Berdasarkan borang soal selidik yang telah diedarkan, data latar belakang responden adalah seperti berikut:

1. Jantina

Jadual 4 Bilangan responden mengikut jantina

Jantina	Kekerapan	Peratus
Lelaki	42	84 %
Perempuan	8	16 %
Jumlah	50	100 %

Sumber: Soal Selidik, 2018

Jadual di atas menunjukkan bilangan responden mengikut jantina. Didapati bilangan pesalah juvana lelaki melebihi bilangan pesalah juvana perempuan. Seramai 84% atau 42 orang daripada 50 orang pelajar ialah pelajar lelaki. Bakinya 8 orang sahaja (16%) terdiri daripada pelajar perempuan.

2. Umur Responden

Jadual 5 Taburan responden pelajar mengikut umur

Umur	Kekerapan	Peratus
14- 15 tahun	0	0 %
16 – 17 tahun	3	6%
18- 19 tahun	22	44 %
20 – 21 tahun	25	50 %
Jumlah	50	100 %

Sumber: Soal Selidik, 2018

Jadual di atas menunjukkan tidak terdapat responden yang berumur 14-15 tahun. Hanya 3 orang responden atau 6 % sahaja berumur 16 - 17 tahun. Manakala responden yang berumur 18 - 19 tahun seramai 22 orang (44%) dan separuh daripada jumlah responden merupakan pelajar yang berumur 20 - 21 tahun. Ini menunjukkan majoriti responden ialah pelajar yang berumur antara 18-21 tahun.

3. Tahap pendidikan Responden

Jadual 6 Tahap pendidikan Responden

Tahap Pendidikan	Kekerapan	Peratus
1. Tidak bersekolah	1	2 %
2. UPSR	31	62 %
3. PMR/ PT3	13	26 %
4. SPM	4	8 %
5. Sijil	1	2 %
Jumlah	50	100 %

Sumber: Soal Selidik, 2018

Jadual di atas menunjukkan lebih separuh responden, iaitu 31 orang atau 62% pernah mendapat pendidikan sehingga UPSR. Seramai 13 orang atau 26% pula berjaya sampai ke peringkat PMR/PT3 dan yang sampai ke peringkat SPM pula seramai 4 orang atau 8%. Terdapat seorang responden yang tidak bersekolah dan seorang lagi hanya sampai ke tahap sijil sahaja.

4. Pengalaman Pembelajaran Bahasa Arab.

Jadual 7 Pengalaman belajar bahasa Arab

Item	Kekerapan	Peratus
1. Pernah belajar bahasa Arab	21	42 %
2. Tidak pernah belajar bahasa Arab	29	58 %
Jumlah	50	100 %

Sumber: Soal Selidik, 2018

Jadual 7 di atas menunjukkan bilangan pesalah juvana yang tidak pernah mempelajari bahasa Arab lebih ramai berbanding yang pernah mempelajarinya. Seramai 29 orang atau 58 % pesalah juvana tidak pernah mempelajari bahasa Arab. Manakala bakinya, 21 orang atau 42% sudah pernah mempelajari bahasa Arab sebelum ini.

5. Tempoh pembelajaran di Sekolah Agama (JAIM) Henry Gurney, Telok Mas, Melaka.

Jadual 8 Tempoh pembelajaran Pesalah Juvana di Sekolah Agama (JAIM) Henry Gurney.

Tempoh Pembelajaran	Kekerapan	Peratus
1. 1 tahun dan kurang	25	50 %
2. 2 tahun dan lebih	25	50 %
3.		
Jumlah	50	100 %

Sumber: Soal Selidik, 2018

Berdasarkan Jadual di atas, pelajar yang tempoh pembelajarannya di Sekolah Agama (JAIM) Henry Gurney setahun dan kurang ialah seramai 25 orang atau 50 %. Jumlah yang sama juga bagi pelajar yang tempoh pembelajarannya 2 tahun dan lebih.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Bahagian ini membincangkan tiga dapatan utama kajian ini iaitu:

1. Pengetahuan tahap pembelajaran dalam kalangan pesalah juvana

Jadual 9 Pengetahuan tentang pembelajaran bahasa Arab

I T E M	KEKERAPAN/ PERATUS		
	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju
1. Saya tahu sebagai seorang Islam perlu mempelajari bahasa Arab.	0 (0%)	5 (10%)	45 (90%)
2. Saya tahu dengan mempelajari bahasa Arab mampu membantu saya menjadi seorang Mukmin yang baik.	1 (2%)	4 (8%)	45 (90%)
3. Saya tahu dengan bahasa Arab mampu membantu saya ke arah kesempurnaan Ibadah.	0 (0%)	6 (12%)	44 (88%)

Sumber: Data soal selidik, 2018

Berdasarkan jadual di atas, pengkaji mendapati bahawa majoriti responden mengetahui bahawa seorang Muslim perlu mempelajari bahasa Arab. Seramai 45 orang pelajar atau 90% bersetuju dengan item ini. Manakala 5 orang pelajar sahaja (10%) tidak pasti sama ada sebagai seorang Islam perlu mempelajari bahasa Arab atau tidak. Begitu juga item 2 dan 3 majoriti responden bersetuju bahawa dengan mempelajari bahasa Arab mampu membantu mereka menjadi seorang Mukmin yang baik dan mampu membantu mereka ke arah kesempurnaan Ibadah.

2. Sikap dalam mempelajari bahasa Arab.

Dalam kategori yang kedua pula, item 4, 5 dan 6 berkaitan sikap responden dalam mempelajari bahasa Arab.

Jadual 10 Sikap responden dalam mempelajari bahasa Arab

I T E M	KEKERAPAN/ PERATUS		
	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju
4. Saya mempelajari bahasa Arab walaupun ianya sukar.	0 (0%)	3 (6%)	47 (94%)
5. Saya tetap mempelajari bahasa Arab walaupun saya tidak memahami sepenuhnya apa yang dipelajari.	0 (0%)	7 (14%)	43 (86%)
6. Saya ingin belajar bahasa Arab walaupun saya tidak tahu membaca al-Quran.	0 (0%)	3 (6%)	47 (94%)

Sumber: Data soal selidik, 2018

Berdasarkan jadual di atas, pengkaji mendapati bahawa majoriti responden memberi respon yang baik berkaitan sikap responden dalam mempelajari bahasa Arab. Bagi pernyataan 4 dan 6, seramai 47 orang pelajar iaitu sebanyak (94%) bersetuju bahawa mereka tetap

mempelajari bahasa Arab walaupun ianya sukar dan ingin belajar bahasa Arab walaupun tidak tahu membaca al-Quran. Bahkan bagi item 5, seramai 43 orang atau sebanyak 86% menyatakan mereka tetap mempelajari bahasa Arab walaupun mereka tidak memahami sepenuhnya apa yang dipelajari. Persetujuan responden kepada ketiga-tiga item ini menunjukkan sikap positif mereka terhadap pembelajaran bahasa Arab.

4. Minat Mempelajari Bahasa Arab

Minat merupakan suatu perkara penting yang mendorong pelajar bergiat cergas dalam aktiviti pembelajaran (Noor Erma dan Leong Kwan Eu 2014). Hal ini disokong Ismail Reduan (1992) dengan menyatakan bahawa minat terhadap sesuatu perkara atau aktiviti akan mendorong seseorang pelajar meneroka dengan lebih jauh. Oleh yang demikian, minat dalam kajian ini ialah perkara yang disukai oleh pelajar yang mendorong mereka untuk mempelajari bahasa Arab.

Menerusi soal selidik yang dijalankan, terdapat beberapa faktor pesalah juvana berminat untuk mempelajari bahasa Arab. Faktor tersebut dapat dilihat dalam jadual berikut:

Jadual 11 Minat responden untuk mempelajari bahasa Arab.

ITEM	PERTANYAAN	KEKERAPAN/ PERATUS		
		Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju
B1	Saya seronok untuk mempelajari bahasa Arab.	0 (0%)	10 (20%)	40 (80%)
B2	Saya suka belajar bahasa Arab kerana saya tidak berpeluang mempelajarinya sebelum ini.	0 (0%)	6 (12%)	44 (88%)
B3	Saya seronok belajar bahasa Arab (KAFA) ini kerana ianya sesuai dengan tahap kemampuan diri saya.	1 (2%)	18 (36%)	31 (62%)
B4	Saya suka belajar bahasa Arab sebab isi kandungan pelajaran ini bersesuaian dengan tahap pengetahuan saya.	1 (2%)	18 (36%)	31 (62%)
B5	Saya suka belajar bahasa Arab sebab tajuk yang diajar bertepatan dengan keperluan saya.	2 (4%)	12 (24%)	36 (72%)
B6	Saya suka belajar bahasa Arab sebab latihan yang diberi tidak terlalu sukar.	2 (4%)	13 (26%)	35 (70%)
B7	Saya suka belajar bahasa Arab sebab cara pengajaran guru yang kreatif dan menarik.	0 (0%)	4 (8%)	46 (92%)
B8	Saya suka belajar bahasa Arab sebab guru menggunakan pelbagai alat bantu mengajar	0 (0%)	4 (8%)	46 (92%)
B9	Saya suka belajar bahasa Arab kerana ia dapat membantu saya menambah kosa kata bahasa Arab	0 (0%)	2 (4%)	48 (96%)

Sumber: Soal Selidik, 2018

Berdasarkan Jadual 11 di atas, didapati majoriti responden bersetuju dengan item B1, iaitu mereka seronok mempelajari bahasa Arab. Seramai 40 orang pelajar iaitu 80% seronok untuk mempelajari bahasa Arab dan bakinya seramai 10 orang (20%) tidak pasti sama ada mereka seronok atau tidak mempelajari bahasa Arab. Bagi Item B2 pula, seramai 44 orang pelajar atau 88% mewakili suka mempelajari bahasa Arab atas dasar tidak berpeluang untuk mempelajarinya sebelum ini. Hanya enam orang atau 12% sahaja tidak pasti mereka seronok atau tidak mempelajari bahasa Arab.

Item B3, B4, B5 dan B6 merujuk kepada pandangan pelajar terhadap kurikulum bahasa Arab KAFA yang digunakan. Seramai 31 orang mewakili (62%) pula bersetuju dengan item B3 dan B4, mereka seronok mempelajari bahasa Arab (KAFA) kerana ianya sesuai dengan tahap kemampuan diri dan tahap pengetahuan mereka. Besar kemungkinan mereka yang bersetuju dengan item B3 ini terdiri daripada pesalah juvana yang tidak berpeluang mempelajari bahasa Arab sebelum ini. Oleh itu, kurikulum KAFA yang asalnya diolah untuk pelajar berumur 12 tahun dan ke bawah itu juga dirasakan bersesuaian dengan tahap kemampuan diri dan tahap pengetahuan mereka. Manakala bakinya pula tidak pasti dan tidak bersetuju dengan Item B3 dan B4. Hal ini berkemungkinan mereka adalah pesalah juvana yang pernah mempelajari bahasa Arab sebelum ini. Disebabkan itulah mereka merasakan kurikulum Bahasa Arab KAFA tidak lagi sesuai digunakan untuk tahap umur mereka yang melebihi 12 tahun.

Bagi item B5 pula menunjukkan seramai 36 orang pelajar atau 72% bersetuju mereka suka mempelajari bahasa Arab atas sebab tajuk yang diajar bertepatan dengan keperluan mereka. Manakala 12 orang pelajar (24%) tidak pasti sama ada tajuk yang diajar bertepatan dengan keperluan mereka serta 2 orang pelajar (4%) tidak bersetuju bahawa tajuk yang diajar tidak bertepatan dengan keperluan mereka.

Bagi item B6, seramai 35 orang pelajar mewakili (70%) bersetuju bahawa mereka suka mempelajari bahasa Arab kerana latihan yang diberikan tidak terlalu sukar. Manakala bakinya, seramai 13 orang pelajar (26%) tidak pasti latihan yang diberikan terlalu sukar ataupun tidak. Hanya 2 orang (4%) tidak bersetuju bahawa mempelajari bahasa Arab kerana latihan yang diberikan tidak terlalu sukar.

Bagi item B7 dan B8, menunjukkan taburan respons berdasarkan kekerapan kesesuaian guru yang mengajar bahasa Arab. Seramai 46 orang pelajar mewakili (92%) menyatakan keseronokan belajar bahasa Arab kerana cara pengajaran guru yang kreatif, menarik dan penggunaan alat bantu mengajar yang pelbagai. Manakala seramai 4 orang (8%) tidak pasti sama ada mereka suka atau tidak suka dengan cara pengajaran guru. Pengkaji mendapati kesungguhan dan minat pelajar dapat ditingkatkan apabila proses pembelajaran bahasa ini menyeronokkan pelajar bahkan peratusan yang tinggi diperoleh hasil daripada pendekatan pengajaran guru yang kreatif dan menarik.

Bagi item B9, didapati seramai 48 orang pelajar atau hampir keseluruhan pesalah (96%) bersetuju bahawa mereka suka mempelajari bahasa Arab kerana dapat membantu mereka menambah kosa kata bahasa Arab. Manakala seramai 2 orang (4%) tidak pasti sama ada mereka bersetuju atau pun tidak dengan item tersebut. Ini menunjukkan bahawa Kurikulum bahasa Arab KAFA yang berbentuk pengajaran kosa kata dan pendekatan tematik amat memudahkan pelajar mengikuti pembelajaran bahasa ini. Hal ini turut disokong oleh Siti Rohani et al. (2020), menyatakan bahawa proses pengajaran dan pembelajaran kreatif bukan sahaja mampu

menjadikan pelajar lebih berautonomi dalam menambah ilmu pengetahuan malahan memberi impak positif terhadap pengajaran dan pembelajaran kosa kata bahasa Arab.

KESIMPULAN

Pembelajaran bahasa Arab kini bukan hanya sekadar pendidikan bagi pelajar yang bebas dari kesalahan juvana. Namun pesalah juvana juga berhak untuk mempelajari ilmu agama khususnya dalam pengajian bahasa Arab. Mendalami ilmu bahasa Arab merupakan suatu kelebihan dan peluang kedua bagi pesalah juvana dalam membuktikan mereka juga manusia yang mampu berdaya saing. Oleh itu, dalam kehidupan seharian bahasa Arab bukan sahaja digunakan oleh setiap Muslim dalam ibadat solat mereka bahkan membaca dan memahami al-Quran juga memerlukan kemahiran berbahasa Arab. Hasil daripada kajian yang telah dijalankan, dapatlah dibuat kesimpulan bahawa (80%) pesalah juvana di institusi ini meminati dalam mempelajari bahasa Arab bahkan (88%) pesalah juvana mengakui bahawa mereka amat menyukai mengikuti pembelajaran bahasa Arab ini kerana mereka tidak berpeluang mempelajarinya sebelum ini. Selain itu, dengan adanya pembelajaran bahasa Arab ini sedikit sebanyak dapat membantu diri pesalah juvana dalam memperbaiki dan melengkap proses pemulihan diri dan sahsiah mereka ke arah mendambakan diri sebagai Khalifatullah kepada penciptaNya melalui kefahaman dalam beramal ibadah.

Penyediaan program pemulihan melalui pendidikan agama secara formal di Sekolah Henry Gurney, Telok Mas, Melaka merupakan satu tindakan yang tepat kerana pendidikan agama secara formal dapat membuka ruang dan peluang kepada pesalah juvana dalam mempersiapkan diri bagi menghadapi masa depan yang lebih baik. Mempelajari agama tanpa mempelajari bahasa Arab akan menyebabkan individu mengamalkan agama tanpa jiwa dan ruh kerana bahasa Arab itu merupakan sarana untuk memahami agama dengan lebih baik. Bagaimanapun penggunaan Kurikulum KAFA khususnya bagi pembelajaran bahasa Arab perlu dikaji semula. Walaupun penggunaan kurikulum yang berskala rendah ini dilihat mampu menarik minat para pelajar (pesalah juvana yang terdiri daripada pelbagai latarbelakang dan tahap pendidikan untuk mempelajari bahasa Arab. Pihak JAIM, JAKIM mahupun Jabatan Penjara Malaysia (JPM) perlu meneliti semula hal ini dari segi impak dan keberkesanan terhadap peningkatan pengetahuan dan kesan pemulihan dalam kalangan pesalah juvana.

Kesesuaian penggunaan Kurikulum bahasa Arab KAFA ini untuk pesalah juvana di Sek Agama (JAIM) Henry Gurney perlu dikaji berdasarkan tiga faktor berikut:

- i- Faktor umur. Dari sudut psikologi pembelajaran, keperluan pelajar berumur 14-21 tahun berbeza dengan keperluan pelajar berumur 7-12 tahun.
- ii- Faktor latar belakang pelajar. Pesalah juvana mempunyai rekod jenayah dan memerlukan pendekatan pemulihan bukan sekadar pendekatan pengetahuan dan kemahiran sebagaimana pelajar yang normal.
- iii- Faktor pendekatan dan reka bentuk (Integrasi dan bersepadu). Pelajar juvana memerlukan kurikulum bahasa Arab yang bukan sahaja mengajar kosa kata dan kemahiran bahasa, tetapi dapat mengukuhkan lagi kesedaran dan pengetahuan mereka tentang Al-Qur'an, akidah, nilai dan akhlak Islamiah.

Semoga kajian ini dapat membantu pihak-pihak yang terlibat dapat menyediakan modul, kaedah pendekatan dan cadangan penambahbaikan dalam memartabatkan pendidikan bahasa Arab agar semua lapisan masyarakat termasuk pesalah juvana tidak terlepas peluang mempelajari bahasa Arab sebagai bahasa utama dalam mempelajari ilmu Fardhu Ain, al-Quran dan ibadah khusus seperti solat.

PENGHARGAAN

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan dana FRGS/1/2016/SS109/UKM/02/7. Terima kasih kepada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan UKM kerana memberi dana bagi menjalankan kajian ini.

RUJUKAN

- Al-Quran.
- Ahmad Mohd. Salleh. (2004). *Pendidikan Islam: Falsafah, Sejarah, Dan Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran*. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Ahmad Zaki. (t.th) *Nazariyyat al-Ta'aluq*. Kaherah: Maktabat al-Nahdat al-Masriyyat.
- Akta Kanak- Kanak (2001). (Malaysia) (Akta 611)
- Amidi Abdul Manan. (2010). *Kajian Kes Rehabilitasi Banduan Di Penjara Penor: Mengkaji Keberkesanan Pemulihan Banduan Berkaitan Aspek Akidah Menggunakan Pendekatan Biasa Dan Sains*. Tesis Dr. Falsafah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Asmawati Suhid, Abd. Muhsin Ahmad, Syaza Mohd Sabri & Azreen Effendy Mohamad. (2015). Pendidikan untuk Semua: Amalannya dalam Sistem Pendidikan Islam di Malaysia. *International Journal of Education and Training (InJET)* 1(2): 1-7.
- BAPEM. (2018). *Data Pengurusan Bahagian Agama Sekolah Henry Gurney, Telok Mas, Melaka*.
- Darussalam Budin. (2014). Pendidikan Juvana Di Jabatan Penjara Malaysia: Dasar, Hala Tuju, Pelaksanaan Dan Cabaran. *Jurnal Hadhari* 6 (1):87-104.
- Farah Farhana Rosli & Mohd Anuar Ramli. (2016). Penerapan Maqasid al-Shariah Terhadap Fiqh Semasa dalam Pengajaran Pendidikan Islam di IPG. *Maqasid al-Shariah: Aplikasi Dalam Aspek Sosial Dan Perundangan*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Hasan Langgulong. (2003). *Asas-Asas Pendidikan Islam*. Jakarta: Pustaka al-Husna Baru.
- Hasnizam Hashim, Norman Zakiyy Chow Jen-T'chiang & Ramalinggam Rajamanickam. (2018). Program Pemulihan di dalam Penjara bagi Pesalah Jenayah: Kajian di Jabatan Penjara Malaysia. *Isu Khas. Jurnal Undang-Undang dan Masyarakat* (05):72-85.
- Ishak Ramly. (2005). *Inilah Kurikulum Sekolah*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Ismail Reduan. (1992). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Kejayaan Pengajaran Dan Pembelajaran Matematik di Kalangan Murid Sekolah Rendah. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*.2(1):1-10.
- Ismail Suardi Wekke. (2014). *Model Pembelajaran bahasa Arab*. Yogyakarta: Indonesia. Deepublish.

JAKIM. (2006). Garis Panduan KAFA, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Kemaskini Terakhir: 02 Disember 2015: 1-84 <http://www.islam.gov.my/rujukan/garis-panduan/119-garis-panduan-kafa> [12 Ogos 2018].

Kamarul Azmi & Ab. Halim Tamuri. (2007). Pendidikan Islam Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

Kaseh Abu Bakar, Nil Farakh Sulaiman & Zeti Akhtar Muhammad Rafeai. (2010). Self-Determination Theory and Motivational Orientations of Arabic Learners: A Principal Component Analysis. *Gema Online - Journal of Language Studies*. 10 (1), 71-86.

Komaruddin Hidayat. (1996). Memahami Bahasa Agama. Jakarta: Paramadina.

Mohd Daud Hamzah. (1993). Liputan Kurikulum Sekolah. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd Shahrizal Nasir, Muhammad Sabri Sahrir dan Mohd Firdaus Yahaya. (2015). Tinjauan Persepsi Pembelajaran Bahasa Arab Untuk Tujuan Ibadah Sebagai Satu Keperluan Bagi Masyarakat Muslim Awam Di Malaysia. *Asia Pacific Journal of Educators and Education* (30):51-72.

Mok Soon Sang. (2000). Ilmu Pendidikan untuk KPLI. Kuala Lumpur Kumpulan Budiman.

Muhammad 'Uthman El-Muhammady. (1987). Islam Peribadi Tarbiah dan Institusi. Kota Bharu: Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.

Muzium Penjara. (2014). Jabatan Penjara Malaysia, Sejarah Penubuhan Sekolah Henry Gurney. Melaka: Penerbitan Muzium Penjara Malaysia.

Nazirah Hasan. (2013). Keagresifan, Kawalan Diri Dan Daya Tahan Dalam Kalangan Pelatih Juvana Lelaki: Hubungan Dengan Risiko Resibivisme. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Noor Erma Binti Abu & Leong Kwan Eu. (2014). Hubungan Antara Sikap, Minat, Pengajaran Guru Dan Pengaruh Rakan Sebaya Terhadap Pencapaian Matematik Tambahan Tingkatan 4. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik* (2):1-10.

Peraturan Sekolah Henry Gurney. (L.N. 616 of 1949).

Siti Jamiyah Abdul Jalil, Yusmini Md Yusoff, Rozmi Ismail. (2016). Peranan Program Keagamaan Terhadap Pemulihan Konsep Kendiri Banduan Wanita di Malaysia. *Jurnal Akidah & Pemikiran Islam*. Universiti Malaya (18):193-228

Siti Rohani Jasni, Suhaila Zailani @ Ahmad & Hakim Zainal. (2020). Pendekatan Kreatif dalam Pengajaran dan Pembelajaran Kos Kata Arab. *International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*. Vol.3(1): 54-70.

Suhaila Ahmad, Salmah Ahmad, Hakim Zainal, Khazri Osman, Salmiah Ab. Ghani, Zainuddin Ismail & Ummu Hani Hashim. 2014. Public Need for an Arabic Language Teaching and Learning Module: Using al-Qur'an Approach. *Mediterranean Journal of Social Sciences (MJSS)*, Vol 5 (29): 54-61. Doi:10.5901/mjss.2014.v5n29p54.

Suhaila Zailani @ Hj. Ahmad & Nur Afifah Fadzil. 2014. Penggunaan Modul dan Buku bahasa Arab untuk Orang Awam. *Jurnal al-Hikmah*, Vol. 6 (2): 65-77.

Tajul Ariffin Nordin & Nor'aini. (1992). Pendidikan dan Wawasan 2020. Kuala Lumpur. Arena Ilmu Sdn. Bhd.

Wan Ahmad Zakry Wan Kamarudin. (2013). *Perlaksanaan Kaedah Pembentukan Sahsiah Pelajar Menurut al-Quran dan al-Sunnah di Sekolah Menengah Imtiaz Terengganu.*(t.pt.)

Yusof Al-Qardawi. (1982). *Terjemahan Minhaj at-Tarbiyah Fil Islam.* Jakarta: Indonesia.

Zakaria Stapa. (2012). *Pendekatan Tasawuf Dan tarekat Wadah Pemerksaan Jati Diri Ummah.* Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.